

25 JUL 2002

Mahathir-Nikmat (Bergambar)

SYUKURI NIKMAT, KEKAL DAN PERKUATKAN BN, KATA DR MAHATHIR

JOHOR BAHRU, 25 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengajak rakyat mensyukuri nikmat yang dirasakan di negara sendiri, menyintai Malaysia dan memberikan sokongan bagi memperkuatkan Barisan Nasional (BN) yang telah terbukti kejayaannya menerajui negara.

"Kita mesti kekalkan keamanan negara kita, kita mesti kekalkan kemajuan negara kita, mesti kekalkan segala nikmat yang telah kita terima.

"Dan untuk mengekalkan semua ini tidak ada jalan lain melainkan dengan memperkuatkan Barisan Nasional. Tentukan BN akan dapat kemenangan tiap kali diadakan pilihan raya," katanya ketika menutup Konvensyen BN Johor di Stadium Tertutup Majlis Bandaraya Johor Baharu di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata Malaysia memberi nikmat yang banyak kepada semua bangsa sehingga orang asing sanggup bermati-matian menempuh gelombang untuk datang berhijrah ke "kawasan yang cukup cerah ini yang menjanjikan hidup sempurna."

Oleh itu katanya orang Malaysia sendiri harus bersyukur dan berusaha mengekalkan keadaan yang terdapat sekarang.

Dr Mahathir juga mengingatkan rakyat supaya berwaspada terhadap percubaan pembangkang untuk memisah dan menjauhkan semula jurang hubungan antara kaum di negara ini dan menimbulkan huru hara.

"Mereka ingin melihat huru hara yang berlaku di negara lain berlaku juga di Malaysia... aliran ini tidak baik kerana tanpa persefahaman kaum, negara kita akan hancur dengan rusuhan demi rusuhan antara kaum yang tiada akhirnya," katanya.

Beliau berkata puak ekstrem itu, pada pilihan raya kecil 18 Julai lepas sudah cuba untuk menggunakan cara ganas dan kekerasan untuk mendapat kemenangan.

"Mereka bermain dengan api, satu hari api ini akan membakar mereka," katanya sambil menjelaskan bahawa pada pilihan raya kecil Pendang dan Anak Bukit itu, polis terpaksa mengerahkan 4,000 anggota lengkap bercotar kerana di pilihan raya kecil Lunas dua tahun lepas telah berlaku keganasan.

"Saya khuatir bila mereka mula menggunakan kekerasan, pasukan keselamatan terpaksa menyuraikan dengan kekerasan juga... tetapi kalau polis diugut, mereka terpaksa menggunakan senjata mereka dan jika berlaku seorang terbunuh dengan tidak sengaja, maka akan jadilah huru hara," katanya.

Sambil mengingatkan aliran menggunakan kekerasan dalam pilihan raya untuk mendapatkan kemenangan adalah sangat berbahaya, Perdana Menteri berkata golongan itu mahu dunia menuduh Malaysia tidak demokratik dengan tidak memberi peluang parti lawan bertanding.

"Ini tidak benar dan kita tidak takut kepada mana-mana pihak kerana nasib negara kita adalah tanggungjawab kita sendiri dan bukan orang lain seperti Suruhanjaya Hak Asasi Manusia dari luar yang menentukan (bagaimana ia ditadbir)," katanya.

Dr Mahathir bangga BN Johor mengambil inisiatif mengadakan konvensyen peringkat negeri buat julung kalinya dengan tujuan antara lain untuk merapatkan hubungan antara parti komponen.

Bagaimanapun beliau berharap hubungan antara kaum ini tidak setakat dalam kegiatan politik sahaja tetapi juga melalui kegiatan sukan seperti bola sepak dan badminton antara parti-parti komponen dan pasukan campuran parti komponen.

Beliau mahu melalui BN khususnya, persefahaman antara kaum dan sikap

saling menghormati sensitiviti kaum lain yang diamalkan sekarang, dapat diterus dan diperkukuhkan.

-- BERNAMA

MNY RON